



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH

**ISTIQAMAH PASCA RAMADAN:  
ANTARA HARAPAN DAN REALITI**



Tarikh Bacaan:  
**11 APRIL 2025M / 12 SYAWAL 1446H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Istiqamah Pasca Ramadan: Antara Harapan dan Realiti

11 April 2025M/ 12 Syawal 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: ... وَلِكُمِ لُحُومٌ أَلْعَدَّةِ وَلِكُمِ رُءُوسٌ أَلْعَدَّةِ وَكَرِهُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَانَاكُمْ  
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾ سورة البقرة

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya (sebulan Ramadan) dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu semoga kamu bersyukur”.

## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh dengan kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian, agar bertakwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Ketakwaan bukan dinilai melalui ibadah di bulan Ramadan sahaja, tetapi sejauh mana kita mampu mengekalkan amalan baik dan menjauhi kemungkaran selepasnya.



Tanpa takwa, amalan kita mungkin menjadi sia-sia dan tidak diterima oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, meskipun ia nampak baik pada pandangan manusia.

Ramadan telah berlalu meninggalkan kita dengan pelbagai pengajaran. Namun cabaran sebenar, bukanlah menjalani ibadah Ramadan, tetapi kesanggupan untuk istiqamah meneruskan kebaikan yang telah kita lakukan. Oleh itu, khutbah pada hari ini akan membincangkan tajuk: ***“Istiqamah Pasca Ramadan: Antara Harapan dan Realiti”***.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI,**

Adakah Ramadan sekadar sebuah kenangan atau permulaan kepada perubahan diri yang lebih baik? Ramadan diumpamakan seperti sebuah madrasah yang mendidik kita tentang disiplin, kesabaran, keikhlasan dan keinsafan.

Untuk memastikan perubahan ini berkekalan, kita perlu menetapkan matlamat jangka panjang. Jika sebelum Ramadan kita jarang membaca al-Quran, berusahalah membacanya selepas Ramadan walaupun satu halaman sehari. Jika sepanjang Ramadan kita telah membiasakan diri dengan solat Subuh berjemaah di masjid atau surau, selepas Ramadan kita boleh memastikan penggera telefon ditetapkan, sebagai peringatan untuk bangun lebih awal.

Ramadan juga melatih kita dengan rohani yang bersih, lidah yang terbiasa dengan zikir dan akal yang terlatih dengan tafakur. Kejayaan Ramadan bukan sekadar diukur dengan banyaknya ibadah yang dilakukan, tetapi sejauh mana nilai itu terus menyinari kehidupan selepasnya. Firman Allah

**سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah Hud ayat 112:

فَأَسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٢﴾

Maksudnya: “Maka istiqamahlah kamu (di jalan yang benar) sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan orang yang telah bertaubat bersama kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sepanjang Ramadan, kita menahan lapar dan memperbanyak ibadah meskipun tubuh keletihan. Jika sebulan kita mampu mengawal diri dan patuh kepada perintah Allah, mengapa selepas Ramadan kita hilang kekuatan untuk menolak yang haram dan syubhah?

Alangkah sedihnya masih ada yang kembali kepada kebiasaan lama, terjerumus dalam dosa seperti rasuah, riba dan penipuan. Lebih malang, Ramadan atau tidak sama sahaja, tiada apa yang berbeza. Bukankah Ramadan sepatutnya mendidik kita dengan kejujuran, kawalan diri, dan nilai integriti?

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,**

Ramadan bukan sekadar menahan diri, tetapi mengajar kita untuk memberi sebanyak mungkin. Sifat pemurah yang kita amalkan sepanjang bulan mulia ini tidak seharusnya terhenti pada penghujungnya. Rasulullah ﷺ sendiri adalah insan paling pemurah, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan. Imam Muslim merekodkan hadis Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah ﷺ telah bersabda :

## مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Maksudnya: "Tidak akan berkurang harta dengan sebab bersedekah.  
(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, marilah kita meneruskan amalan suka memberi dengan penuh istiqamah. Bayangkan betapa indahnya hidup jika dunia ini dipenuhi dengan insan-insan pemurah yang sentiasa mengutamakan kebajikan orang lain.

Sedarlah sidang jamaah sekalian, hidup ini bukan sekadar tentang 'aku' tetapi 'kita'. Ya 'kita' sebagai sebuah keluarga besar, yang diikat dengan ikatan keimanan. Ikatan yang mengatasi batasan warna kulit, kedudukan dan taraf hidup. Ikatan yang menyatukan kita sebagai satu ummah yang saling menyayangi dan mengambil berat antara satu sama lain.

Hakikatnya, beristiqamahlah melaksanakan ibadah setelah berlalu Ramadan, menandakan amalan soleh yang dikerjakan diterima. Hal ini kerana apabila Allah menerima amalan seseorang hamba, pasti dia menolong hamba tersebut dalam meningkatkan perbuatan baik selepasnya. Sebahagian cerdik pandai mengatakan:

### ***"Pahala Amal Kebaikan Adalah Kebaikan Yang Ada Sesudahnya"***

Justeru, sesiapa yang dikatakan mengerjakan kebaikan adalah dilihat berdasarkan kebaikan selepasnya. Sesiapa yang mengerjakan kebaikan kemudian melanjutkan dengan kebaikan lain, maka hal itu merupakan petanda perbuatan amalan diterima. Demikian pula sebaliknya, jika seseorang melakukan suatu kebaikan lalu diikuti dengan amalan yang buruk atau tidak beristiqamah dalam melaksanakannya, maka hal itu merupakan petanda tertolaknya amal yang telah dibuat.

Begitulah Ramadan, sekiranya amalan kita diterima oleh Allah, sudah tentu kita dapat beristiqamah dalam hal kebaikan dan ibadah di bulan-bulan yang lain. Tetapi sekiranya kita gagal untuk beristiqamah, maka ia menunjukkanagalnya Ramadan kita.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Di musim perayaan kali ini kita juga dapat melihat budaya asing telah meresap masuk ke dalam sebahagian masyarakat Islam, terutama melalui hiburan dan trend media sosial. Lebih menyedihkan, sebahagiannya mempamerkan aksi joget untuk mendapat duit raya, tarian, nyanyian, gurauan berlebihan atas nama suka-suka dan kemeriahan. Tindakan ini bukan sahaja melanggar adab dan maruah sebagai Muslim, bahkan mencemarkan makna Hari Raya sebagai simbol kemenangan.

Islam tidak menolak hiburan, tetapi ia mestilah berpandukan syarak, menjaga akhlak dan mempertahankan jati diri umat. Marilah kita kembali mengangkat budaya Islam yang penuh kemuliaan, bukan budaya luar yang merosakkan.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Sebagai penutup, marilah kita terus istiqamah dengan sifat-sifat baik yang telah terbentuk dalam diri. Jadikan Syawal sebagai titik permulaan ke arah kehidupan yang lebih bertakwa dan bermakna. Renungilah kesimpulan khutbah hari ini:

**Pertama: Takwa sebagai penentu kejayaan ibadah.** Takwa bukan hanya dalam Ramadan tetapi perlu berterusan kerana amalan tanpa takwa tidak diterima oleh Allah.

**Kedua: Istiqamah (pasca) Ramadan.** Ramadan sepatutnya membawa perubahan yang kekal. Oleh itu amalan baik seperti solat di awal waktu berjemaah, bersedekah, membaca al-Quran, zikir dan lain-lain perlu diteruskan.

**Ketiga: Cabaran selepas Ramadan.** Jangan kembali kepada kebiasaan buruk kerana nilai Ramadan diukur melalui amalan selepasnya.

**Keempat: Kepentingan amal yang berterusan.** Allah lebih menyukai amalan yang berterusan walaupun sedikit kuantitinya.

**Kelima: Pemurah dan prihatin.** Terusakan budaya memberi dan membantu kerana hidup ini bukan tentang diri sendiri tetapi ummah yang bersatu.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakan-Nya (daripada amalan mereka) untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan). Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita baru sahaja meninggalkan madrasah Ramadan yang mendidik jiwa dengan taqwa, sabar, dan dermawan. Kini kita berada di bulan Syawal; bulan kemenangan dan kekuatan iman. Namun, dalam kita meraikan Syawal dengan kesyukuran, saudara-saudara kita di bumi Palestin masih dalam jeritan kesakitan dan tangisan kehilangan. Dalam hal ini, Jawatankuasa Ijtihad dan Fatwa Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia telah mengeluarkan satu fatwa tegas yang mengangkat jihad menentang penjajahan di Gaza sebagai satu kewajipan syar'i ke atas umat Islam; dengan senjata, harta, doa, serta tekanan politik.

Fatwa tersebut turut menuntut agar negara-negara Islam bersatu, mengepung musuh Zionis dari darat, laut dan udara serta menghentikan sebarang bentuk normalisasi dan bantuan kepada entiti penjajah. Ia adalah seruan yang lahir dari nur syariah, dan panggilan iman kepada kita semua agar tidak berpaling daripada penderitaan umat. Ramadan telah melatih kita untuk berjihad melawan hawa nafsu. Maka Syawal inilah medan sebenar untuk melanjutkan jihad itu dengan menyokong perjuangan suci rakyat Palestin. Hurlurkan derma, hebahkan kesedaran, dan panjatkan doa; semoga Allah menerima segala usaha kecil kita sebagai saham besar di sisi-Nya. Ameen.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُؤْلَاوِ فَيُنْعِجْ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau  
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat  
melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf  
MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,  
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam  
Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-  
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ  
عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG